



ZURAIDA bersama Husain (dua dari kiri) ketika ditemui di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Didik rakyat urus sisa pepejal, sampah

Kuala Lumpur: Program *Trash to Cash* diperkenalkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mampu mendidik rakyat menguruskan sisa pepejal dan sampah dengan cara yang baik.

Menterinya Zuraida Kamaruddin berkata, program ini boleh menggalakkan minat rakyat sekali gus menjadikan budaya mengumpul sampah sebagai sumber pendapatan sampingan.

"Saya mahu mempromosikan inisiatif ini kerana ia mampu memupuk rakyat menguruskan sisa pepejal dengan tersusun selain mampu menjana pendapatan sampingan.

"Malaysia hampir bergelar sebagai negara maju di mana sampah pun boleh jadi duit," katanya di Parlimen di sini, semalam.

Terdahulu, Zuraida menerima kunjungan hormat sidang pengarang Harian Metro (HM) yang diketuai Pengarang Eksekutif Komersial HM, Husain Jahit.

Turut hadir, Pengarang Berita Kanan HM, Ahmad Shahrul Nizam dan Pengarang Berita HM, Noor Azam Ab Aziz.

Dalam pada itu, katanya, Dasar Kebersihan Negara ti-

dak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama rakyat.

Menurutnya, menerusi dasar itu, kementerian akan menggerakkan kempen untuk mengingatkan rakyat agar mereka tidak membuang sampah merata-rata.

"Antara kempen dilaksanakan kini adalah kempen Berani Tegur dengan memberi galakan kepada rakyat Malaysia berani menegur kepada sesiapa saja yang tidak pandai membuang sampah," katanya.

Trash to Cash adalah satu konsep dibawa KPKT melalui Kluster 2 di bawah Dasar Komuniti Negara dan Kluster Ekonomi Kitaran di bawah Dasar Kebersihan Negara bagi meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti mengenai kebersihan, alam sekitar dan kesihatan.

Bagi membolehkan pelaksanaan kedua-dua kluster berkenaan secara lebih efektif, Program Eko Komuniti yang mendukung agenda *Trash to Cash* dirancang untuk November dan Disember ini mengikut lima zon di Malaysia iaitu utara, barat, timur, selatan dan Borneo.